

Selasa, 4 Februari 2020 | 6:08pm



ORANG ramai dinasihatkan agar tidak melakukan pembelian panik dengan mendapatkan topeng mulut dan hidung dalam jumlah yang besar kerana ia akan menimbulkan keresahan. - Foto Intan Nur Elliana Zakaria

Coronavirus: Jangan buat pembelian panik topeng mulut dan hidung

KUALA LUMPUR: Orang ramai dinasihatkan agar tidak melakukan pembelian panik dengan mendapatkan topeng mulut dan hidung dalam jumlah yang besar kerana ia akan menimbulkan keresahan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata kerajaan akan memastikan bekalan topeng mulut dan hidung mencukupi berikutan permintaan yang sangat tinggi susulan penularan wabak novel coronavirus 2019 (2019-nCov) pada masa ini.

"Itu (pembelian panik) akan menimbulkan keresahan yang tinggi. Sementara kerajaan berusaha supaya pihak yang bertanggungjawab memastikan bekalan (topeng mulut dan hidung) mencukupi, saya juga memohon kerjasama rakyat, tidak melakukan pembelian panik, pembelian dalam jumlah yang besar secara tiba-tiba," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat 20 Negara Serantau Pejabat Harta Intelek Berkaitan Sistem Madrid, di sini hari ini.

Pada pertemuan dengan pengeluar topeng mulut dan hidung tempatan minggu lalu, katanya, mereka telah diminta untuk meningkatkan pengeluaran dan import barangan berkenaan.

Saifuddin berkata, hampir 90 peratus bekalan topeng dalam negara yang kebanyakannya diperoleh dari China, Eropah, Amerika Syarikat dan Singapura sebelum ini adalah lebih kepada 'surgical mask', topeng industri serta penggunaan biasa yang sesekali meningkat apabila berlaku jerebu.

"Kementerian telah mengadakan pertemuan dengan pengimport dan juga pengeluar topeng mulut dan hidung pada minggu lalu, tujuannya untuk mendapatkan 'fact finding' memastikan bekalan mencukupi dengan harga di bawah harga kawalan," katanya.

Pada masa sama, beliau turut mengingatkan peniaga supaya mematuhi kawalan harga kerana topeng mulut dan hidung adalah barangan harga terkawal mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Menegaskan kementerian telah mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang menaikkan harga tidak munasabah bagi topeng mulut dan hidung, Saifuddin memberi jaminan pihaknya bersiap siaga sepenuhnya untuk mengadakan pemantauan. - BERNAMA

